

## JENIS DAN KELAYAKAN CUTI

Jenis cuti	Syarat Kelayakan	Bilangan hari
Cuti rehat mingguan	-	1 hari dalam seminggu
Cuti Tahunan	Kurang 2 tahun bekerja	8 hari setahun
	2 tahun atau lebih tetapi kurang 5 tahun bekerja	12 hari setahun
	5 tahun atau lebih	16 hari setahun
Cuti sakit	Kurang 2 tahun bekerja	14 hari setahun
	2 tahun atau lebih tetapi kurang 5 tahun bekerja	18 hari setahun
	Lebih 5 tahun bekerja	22 hari setahun
Hospitalisation	-	60 hari setahun (termasuk Cuti Sakit di atas)
Cuti Bersalin	Sekurang-kurangnya 28 minggu hamil	60 hari yang berturut termasuk hari Ahad/rehat dan cuti umum.
Elaun bersalin	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Memaklumkan majikan mengenai tarikh dijangka bersalin</li> <li>•Telah bekerja dengan majikan sekurang-kurangnya bila-bila masa dalam tempoh 4 bulan sebelum bersalin.</li> <li>•Telah bekerja sekurang-kurangnya 90 hari dalam tempoh 9 bulan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Elaun bersalin dibayar sehingga 5 anak yang masih hidup</li> <li>•Elaun bersalin dibayar pada kadar upah biasa (ORP) selama 60 hari gaji.</li> <li>•Pekerja bergaji bulan dianggap telah menerima elaun bersalin sekiranya beliau terus menerima gaji bulannya sepanjang tempoh bersalin</li> </ul>

## NOTIS PENAMATAN

Tempoh notis penamatan ini terpakai sekiranya tiada peruntukan bertulis ditetapkan dalam kontrak perkhidmatan

Notis	Tempoh perkhidmatan
4 minggu	Kurang 2 tahun
6 minggu	2 tahun atau lebih tetapi kurang 5 tahun
8 minggu	5 tahun atau lebih

### Kaedah-Kaedah Buruh (Faedah Penamatan Dan Pemberhentian Kerja Sementara) (Sarawak) 2008

Bayaran faedah penamatan hanya layak untuk mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan:

- Telah berkhidmat tidak kurang daripada 12 bulan;
- Kontrak perkhidmatan telah ditamatkan;
- Pekerja telah ditamatkan perkhidmatan sementara seperti dalam Kaedah 5(1).

### Pekerja-pekerja di bawah TIDAK LAYAK MENUNTUT BAYARAN FAEDAH PENAMATAN jika:

- Pekerja tamat perkhidmatan kerana bersara;
- Kontrak ditamatkan oleh majikan setelah siasatan dalaman dilakukan atas kesalahan salah laku;
- Kontrak perkhidmatan yang ditamatkan secara sukarela oleh pekerja KECUALI kontrak ditamatkan di bawah seksyen 13(2);

Kadar Bayaran:

	TEMPOH PERKHIDMATAN	JUMLAH
i.	Kurang 2 tahun perkhidmatan	10 hari gaji untuk setiap tahun perkhidmatan
ii.	2 tahun atau lebih tetapi kurang 5 tahun bekerja	15 hari gaji untuk setiap tahun perkhidmatan
iii.	5 tahun bekerja atau lebih	20 hari gaji untuk setiap tahun perkhidmatan



## JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK

## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## ORDINAN BURUH (SARAWAK BAB 76)



### IBU PEJABAT,

Tingkat 13, Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga,  
93532 Kuching.

Tel: 082-242261 / 082-414062

Faks: 082-237051

E-mel: [jtknsarawak.mohr.gov.my](mailto:jtknsarawak.mohr.gov.my)

Laman web: [jtkswk.mohr.gov.my](http://jtkswk.mohr.gov.my)

## ORDINAN BURUH (SARAWAK BAB 76)

Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76) pindaan 2005 telah dikuatkuasakan mulai 1 Oktober 2005. Ordinan ini adalah terpakai untuk pekerja yang bekerja di sektor swasta sahaja.

Objektif Ordinan:

- Menetapkan faedah minimum untuk pekerja
- Menetapkan terma-terma dan syarat-syarat penggajian untuk pekerja di sektor swasta
- Mengenakan obligasi terhadap majikan tentang hak-hak pekerja dan
- Memberikan kuasa penguatkuasaan kepada pegawai-pegawai terhadap pihak yang tidak mematuhi undang-undang untuk memastikan pematuhan undang-undang

## PERUNTUKAN PENTING DALAM ORDINAN

Ordinan ini adalah terpakai untuk pekerja seperti berikut:-

Pekerja yang telah memasuki kontrak perkhidmatan yang bergaji tidak melebihi RM2500.00 sebulan.

Semua pekerja tanpa mengira gaji di bawah kontrak perkhidmatan dan bertugas seperti di bawah:-

- Pekerja manual;
- Pekerja yang terlibat di dalam operasi atau pengendalian kenderaan pengangkutan;
- Penyelia kepada pekerja manual;
- Terlibat dalam urusan pengambilan pekerja;
- Bekerja di kapal kecuali pegawai yang dikeluarkan sijil di bawah peruntukan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952; dan
- Pekerja domestik (peruntukan tertentu sahaja)

## PENGECUALIAN

Di bawah Perintah Penggajian (Pengecualian) 2005 pekerja bukan manual, eksekutif dan pengurusan yang bergaji antara RM2001.00 dan RM2500.00 sebulan adalah dikecualikan daripada peruntukan berikut:

- Seksyen 104 (Cuti Umum);
- Seksyen 105 (Waktu Kerja);
- Seksyen 105A (Kerja Syif) dan
- Seksyen 105C (Kerja Pada Hari Cuti Rehat Mingguan)

## DEFINISI UPAH

Upah pokok dan semua pembayaran lain dengan wang tunai kepada seorang pekerja untuk kerja yang dilakukan mengenai kontrak perkhidmatannya tetapi tidak termasuk:

- Elaun perumahan dan ameniti yang disediakan;
- Caruman oleh majikan;
- Elaun perjalanan;
- Bayaran balik kepada pekerja;
- Bayaran gratuiti; dan
- Bonus tahunan.

## MASA BEKERJA

Seseorang pekerja tidak boleh dikehendaki bekerja:-

- Lebih 5 jam berturut-turut tanpa rehat 30 minit;
- Lebih daripada 8 jam dalam satu hari;
- Lebih daripada 48 jam seminggu;
- Melebihi 10 jam sehari untuk 'spread over period';
- Lebih daripada 12 jam dalam satu hari.

## BAYARAN KERJA PADA HARI BIASA/HARI REHAT/CUTI UMUM UNTUK PEKERJA (BERGAJI BULAN)

Jenis Hari	Kadar biasa	Kadar lebih masa
Hari kerja biasa	Mengikut kontrak perkhidmatan	1.5 x kadar upah sejam
Hari Rehat	<b>½ hari upah</b> <i>(Tidak melebihi setengah masa kerja biasa, contohnya tidak melebihi 4 jam)</i>	2 x kadar upah sejam
	<b>1 hari upah</b> <i>(Melebihi setengah masa kerja biasa, contohnya lebih daripada 4 jam)</i>	
Hari Cuti Umum	<b>Tambahan 2 hari gaji</b> <i>(Tidak kira jumlah jam bekerja)</i>	3 x kadar upah sejam

## BAYARAN KERJA PADA HARI BIASA/HARI REHAT/CUTI UMUM UNTUK PEKERJA (BERGAJI HARIAN/IKUT JAM/SECARA PIECE-RATED)

Jenis Hari	Kadar biasa	Kadar lebih masa
Hari kerja biasa	Mengikut kontrak perkhidmatan	1.5 x kadar upah sejam
Hari rehat	<b>1 hari upah</b> <i>(Tidak melebihi setengah masa kerja biasa, contohnya tidak melebihi 4 jam)</i>	2 x kadar upah sejam
	<b>2 hari upah</b> <i>(Melebihi setengah masa kerja biasa, contohnya lebih daripada 4 jam)</i>	
Hari Cuti Umum	<b>Tambahan 2 hari gaji</b> <i>(Tidak kira jumlah jam bekerja)</i>	3 x kadar upah sejam